



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PELAJAR
KOLEJ MATRIKULASI PERAK DALAM MEMILIH
KEUSAHAWANAN SEBAGAI KERJAYA**

NOOR AZMAN BIN ABDULLAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
PENGURUSAN PERNIAGAAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar Kolej Matrikulasi Perak (KMPk). Model kajian ini telah dibina dengan gabungan beberapa model dari kajian-kajian lepas. Lima faktor kecenderungan keusahawanan telah dipilih untuk mengetahui hubungannya dengan pemilihan kerjaya keusahawanan. Faktor-faktor berkenaan adalah minat, kemahiran, pengalaman, pengaruh keluarga dan pengambilan risiko. Soal selidik kajian ini telah diadaptasi dan diubahsuai daripada instrumen kajian-kajian lepas. Seramai 205 orang telah dipilih sebagai responden bagi kajian rintis dan 328 orang responden bagi kajian sebenar. Data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif digunakan bagi menjelaskan tahap kecenderungan keusahawanan pelajar. Sementara itu, analisis inferensi regresi berganda dilakukan bagi menunjukkan kekuatan hubungan dan pengaruh faktor-faktor keusahawanan terhadap pemilihan kerjaya keusahawanan. Dapatkan kajian menunjukkan tahap kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar KMPk pada tahap sederhana tinggi iaitu $r^2=0.5812$. Sementara itu, hasil analisis regresi berganda mendapat nilai pekali berganda (β), faktor minat, pengalaman dan pengaruh keluarga menunjukkan pengaruh positif yang signifikan dengan pemilihan kerjaya keusahawanan apabila masing-masing mencatatkan nilai 0.180, 0.381 dan 0.230. Sementara itu, faktor pengambilan risiko menunjukkan pengaruh positif yang tidak signifikan ($\beta=0.082$, $p=0.072$) dan faktor kemahiran pula menunjukkan tiada pengaruh ($\beta=-0.059$, $p=0.326$) ke atas pemilihan kerjaya keusahawanan pelajar. Implikasi kajian ini menunjukkan pelajar-pelajar memiliki kecenderungan keusahawanan yang sederhana dan boleh dipertingkat dengan penekanan kepada faktor-faktor yang menunjukkan kesan yang positif. Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Bahagian Matrikulasi (BMKPM) perlu mengukuhkan pendidikan keusahawanan melalui mata pelajaran Pengurusan Perniagaan untuk meningkatkan bilangan pelajar yang memilih kerjaya keusahawanan. BMKPM boleh melaksanakan Karnival Keusahawanan di setiap kolej untuk memberikan lebih pengalaman kepada pelajar mengenai keusahawanan.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
V

FACTORS THAT INFLUENCED STUDENTS AT PERAK MATRICULATION COLLEGE IN MAKING ENTREPRENEURSHIP AS A CAREER CHOICE

ABSTRACT

This study to identify factors that influenced Perak Matriculation College (KMPk) students in choosing entrepreneurship as a career choice. The model of study was constructed based on several models from previous studies. Five factors have been selected to determine the entrepreneurial tendencies and inclinations among students in making their choice. The factors are interest, skills, experience, family influence and risk-taking. The questionnaire was adapted and modified from previous studies instruments. A total of 205 students were chosen as respondents for the pilot study and 328 students for the actual study. The data were analyzed using descriptive and inferential analysis. Descriptive analysis is used to explain the level of entrepreneurship tendencies among students. Multiple regression on inferential analysis is used to show the strength of the relationship and the influence factors in choosing entrepreneurship as a career choice. The findings show that the level of entrepreneurship among KMPk students is moderately high with 3.5812. Meanwhile, for multiple regression value (β), the factors of interest, experience and family influence showed significant positive influence on entrepreneurship career choice with each value are 0.180, 0.381 dan 0.230. Risk-taking factor shows no significant positive influence ($\beta=0.082$, $p=0.072$) and skill factors showed no influence ($\beta=-0.059$, $p=0.326$) on the selection of students entrepreneurial career. The implications of this study shows that students have moderate entrepreneurship tendencies and this can be improved by focusing on the positive effect factors. Therefore, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) and Bahagian Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (BMKPM) should further perpetuate entrepreneurship education among its students through the Business Management subjects to increase students' awareness and inclination towards entrepreneurship as a career choice. BMKPM should conduct activities such as Entrepreneurial Carnival in matriculation colleges to provide students with more entrepreneurship experience.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
vi

KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	8
1.4 Objektif Kajian	12
1.4.1 Objektif Umum	12
1.4.2 Objektif Khusus	12
1.5 Persoalan Kajian	13
1.6 Hipotesis Kajian	13
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	15



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



1.8	Kepentingan Kajian	16
1.9	Batasan Kajian	17
1.10	Definisi Operasional	18
1.10.1	Kecenderungan Keusahawanan	18
1.10.2	Kerjaya Keusahawanan	21
1.10.3	Pelajar Kolej Matrikulasi Perak	22
1.11	Rumusan	23

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	25
2.2	Usahawan dan Keusahawanan	26
2.3	Keusahawanan dalam Konteks Malaysia	29
2.4	Teori Keusahawanan	31
2.4.1	Teori Perlakuan Terancang (TPT)	31
2.4.2	Model Dimensi Kemahiran Keusahawanan (MDKK)	35
2.5	Keusahawanan dalam Sistem Pendidikan Malaysia	37
2.6	Keusahawanan sebagai Kerjaya Pilihan	43
2.7	Faktor Kecenderungan Keusahawanan	45
2.8	Hubungan dan Pengaruh Faktor Keusahawanan dengan Kerjaya Keusahawanan	50
2.9	Rumusan	58

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	59
3.2	Reka Bentuk Kajian	60





3.3	Populasi dan Persampelan Kajian	61
3.4	Instrumen Kajian	64
3.5	Prosedur Kajian	67
3.6	Kaedah Pengumpulan Data	69
3.7	Kaedah Analisis Data	70
3.7.1	Analisis Faktor	71
3.7.2	Statistik Deskriptif	73
3.7.3	Statistik Inferensi	74
3.8	Kajian Rintis	77
3.8.1	Kesahan Instrumen	79
3.8.2	Kebolehpercayaan Instrumen	81
3.8.3	Dapatan Analisis Faktor	83
3.9	Rumusan	90

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	92
4.2	Ujian Kenormalan	93
4.2.1	Ujian Kenormalan Faktor Keusahawanan	93
4.2.2	Ujian Kenormalan Kerjaya Keusahawanan	94
4.3	Analisis Deskriptif	96
4.3.1	Analisis Demografi Pelajar	96
4.3.2	Skor Min dan Tahap Kecenderungan Keusahawanan	99
4.4	Analisis Inferensi (Regresi Berganda)	100





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
ix

4.4.1	Hubungan dan Pengaruh Faktor-faktor Keusahawanan dengan Pemilihan Kerjaya Keusahawanan	101
4.5	Rumusan	108

BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	110
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	111
5.2.1	Tahap Kecenderungan Keusahawanan	111
5.2.2	Hubungan Serta Faktor yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya Keusahawanan	118
5.3	Implikasi Kajian	127
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	129



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
132

RUJUKAN

135

LAMPIRAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
ix



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Struktur Program Satu Tahun (PST) Kolej Matrikulasi, Kementerian Pendidikan Malaysia.	22
3.1 Statistik Pelajar Kolej Matrikulasi Perak Semester 1 Sesi 2016/2017 pada Julai 2016	62
3.2 Sumber Rujukan bagi Adaptasi Instrumen Soal Selidik	64
3.3 Pecahan Item Soalan bagi Bahagian B	65
3.4 Ringkasan Bahagian, Dimensi, dan Bilangan Item dalam Borang Soal Selidik	66
3.5 Skala Penilaian terhadap Item-item dalam Bahagian B dan C	67
3.6 Intrepretasi Nilai Min	74
3.7 Nilai dan Tahap Hubungan Korelasi	76
3.8 Rumusan ulasan pakar penilai instrumen kajian	80
3.9 Statistik Demografi Responden bagi Kajian Rintis	81
3.10 Nilai Pekali Cronbach Alpha Pembolehubah-pembolehubah Kajian	82
3.11 Ujian Kenormalan Statistik Inferensi Faktor-faktor Kecenderungan Keusahawanan bagi Data Kajian Rintis	84
3.12 Ujian Kesesuaian Penggunaan Analisis Faktor dan Keseragaman Item	86
3.13 Jumlah Varian yang Diterangkan ($n=200$)	87
3.14 Matrik Komponen Diputarkan bagi Faktor-faktor Kecenderungan Keusahawanan	88
3.15 Nilai Pekali Cronbach Alpha Pembolehubah Kajian selepas Analisis Faktor	90





4.1	Ujian Kenormalan Statistik Inferensi Faktor-faktor Kecenderungan Keusahawanan bagi Data Kajian Sebenar	94
4.2	Ujian Kenormalan Statistik Inferensi Pemilihan Kerjaya Keusahawanan bagi Data Kajian Sebenar	95
4.3	Taburan Responden Berdasarkan Demografi	97
4.4	Tahap Kecenderungan Keusahawanan dan Analisis Min setiap Faktor	99
4.5	Hubungan antara Faktor-faktor Keusahawanan dengan Pemilihan Kerjaya Keusahawanan	101
4.6	Ringkasan Model	103
4.7	Keputusan Ujian Varian (ANOVA)	104
4.8	Analisis Regresi antara Faktor-faktor Kecenderungan Keusahawanan dengan Pemilihan Kerjaya Keusahawanan	104
4.9	Status Hipotesis Kajian (H_0 hingga H_5) dan Nilai Regresi Berganda (β)	106
5.1	Skor Min Faktor-faktor Kecenderungan Keusahawanan Mengikut Kedudukan	112
5.2	Nilai Pekali Korelasi (r) dan Regresi Berganda (β) Mengikut Kedudukan	119





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xii

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	16
2.1 Teori Perlakuan Terancang Ajzen (1991)	32
2.2 Kecenderungan Tingkah Laku Keusahawanan : Teori Perlakuan Terancang Kruger dan Carsrud (1993)	34
2.3 Model Dimensi Kemahiran Keusahawanan, Armanurah, Mohammad, et al (2014)	37
3.1 Pecahan Sampel Kajian Mengikut Sub-kumpulan dalam Populasi Kajian.	63



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xiii

SENARAI SINGKATAN

ADB	Bank Pembangunan Asia
AIM	Amanah Ikhtiar Malaysia
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DPN	Dasar Pembangunan Negara
FAMA	Lembaga Pembangunan Pertanian Persekutuan
GEM	<i>Global Entrepreneurship Monitor</i>
INSKEN	Institut Keusahawanan Negara
IPT	Institusi Pengajian Tinggi



05-4506832



pustaka.upsi.e

Institusi Pengajian Tinggi Awam
Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KHB	Kemahiran Hidup Bersepadu
KHSR	Kemahiran Hidup Sekolah Rendah
KMO	<i>Kaiser Meyer Olkin</i>
KMPk	Kolej Matrikulasi Perak
KMPP	Kolej Matrikulasi Pulau Pinang
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MDKK	Model Dimensi Kemahiran Keusahawanan
PROTUNE	Program Tunas Niaga



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xiv

PST	Program Satu Tahun
PTV	Pendidikan Teknik dan Vokasional
PUM	Program Usahawan Muda
RMK	Rancangan Malaysia ke-
SPSS	<i>Statistical Packages For Social Science</i>
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
TEKUN	Tabung Ekonomi Usahawan Niaga
TPT	Teori Perlakuan Terancang
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UniKL	Universiti Kuala Lumpur
UUM	Universiti Utara Malaysia
YPU	Yayasan Pembangunan Keusahawanan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
XV

SENARAI LAMPIRAN

- A Set Soalan Soal Selidik
- B Rajah Histogram, Normal Q-Q Plot dan Plot Kotak bagi Ujian Kenormalan Data Kajian Rintis dan Kajian Sebenar.
- C *Output SPSS*
- D Surat-surat Kebenaran Menjalankan Kajian



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Bidang keusahawanan merupakan satu bidang yang sangat penting dalam pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sesebuah negara. Dalam usaha untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020, Malaysia telah menetapkan matlamat untuk menggalakkan generasi baharu untuk menceburi bidang keusahawanan (Amran, Zainal, Abdul Rashid, & Khairul, 2010).

Bagi memastikan hasrat itu tercapai, penekanan diberikan oleh kerajaan dalam mempelbagaikan aktiviti keusahawanan dan program pembangunan dengan penyediaan pelbagai insentif serta bantuan sokongan termasuk sokongan kewangan melalui program-program tertentu antaranya melalui Program 1Azam, Tabung Ekonomi Usahawan Niaga (TEKUN) dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Kerajaan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



turut menyediakan Program Keusahawanan Mikro yang dilaksanakan melalui kerjasama dengan agensi-agensi milik kerajaan antaranya Majlis Amanah Rakyat (MARA), Lembaga Pembangunan Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Yayasan Pembangunan Keusahawan (YPU) (Mohd Ayop, 2013). Bantuan ini bukan sahaja dari sudut kewangan tetapi turut melibatkan bantuan khidmat nasihat kepada usahawan atau bakal usahawan. Selain itu terdapat juga skim-skim pinjaman mikro atau khidmat nasihat yang disediakan oleh pihak swasta kepada usahawan-usahawan kecil.

Menyedari hakikat bahawa kesedaran atau minat terhadap keusahawanan perlu diterapkan sejak dari awal, pihak kerajaan Malaysia turut memfokuskan bidang keusahawanan dalam sistem pendidikan negara. Matlamat pendidikan keusahawanan di sekolah adalah untuk membentuk masyarakat yang mencipta kerja dan bukan pencari kerja (Zaidatol Akmaliah, Abd. Rahim, & Mohd Majid, 2002). Hal ini sangat bertepatan dalam usaha untuk merancakkan pasaran kerja bagi mengurangkan masalah pengangguran khususnya dalam kalangan graduan. Pendidikan keusahawanan sejak peringkat awal dalam jangka masa panjang boleh menimbulkan minat individu terhadap keusahawanan secara semula jadi melalui satu proses dinamik yang berterusan (Norita, Armanurah, Habshah, Norashidah, & Yeng Keat, 2010).

Justeru, bagi membudayakan keusahawanan dalam kalangan masyarakat khususnya belia, ianya perlu diterapkan seawal yang mungkin. Pelbagai usaha dan penambahbaikan telah dan akan dilakukan oleh kerajaan melalui Kementerian





Pendidikan Malaysia (KPM) bagi memastikan pendidikan keusahawanan kekal relevan dan mendapat tempat dalam sistem pendidikan. Antaranya adalah melalui pelaksanaan pendidikan keusahawanan merentasi kurikulum, menambahbaik kurikulum sedia ada dan mempelbagaikan aktiviti kokurikulum berkaitan keusahawanan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia 2015 mendapati 152 100 orang rakyat



Malaysia yang memiliki kelulusan akademik peringkat tertiar tidak memiliki perkerjaan atau menggangur (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2016). Jumlah ini didapati bertambah dari laporan tahun 2014 yang mendapati pengangguran dalam kategori sama adalah seramai 140 800 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2015). Situasi ini menunjukkan walaupun seseorang itu memiliki taraf pendidikan yang tinggi, ianya tidak menjamin peluang pekerjaan bagi mereka. Ini diburukkan lagi dengan keadaan ekonomi dunia yang tidak setabil sehingga mendorong syarikat-syarikat besar mengurangkan pekerja mereka. Ianya pasti menyukarkan lagi belia atau siswazah untuk mendapatkan pekerjaan.

Bagi mengatasi masalah ini para belia dan graduan disarankan untuk menceburi bidang perniagaan atau keusahawanan. Namun, pemilihan bidang keusahawan sebagai satu kerjaya dalam kalangan rakyat Malaysia dilihat masih





rendah berbanding negara-negara serantau yang lain. Menurut laporan Global Entrepreneurship Monitor (GEM) 2013, hanya 41.8% dari responden rakyat Malaysia bersetuju menjadikan bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan. Angka ini jauh ketinggalan dari negara-negara serantau yang lain iaitu, Filipina (84.8%), Vietnam (81.5%), Thailand (74.5%) dan Indonesia (70.8%) (Amoros & Bosma, 2014). Walaupun peratusan ini meningkat kepada 50.4% dalam Laporan GEM 2014, tetapi kedudukan negara kekal rendah berbanding negara-negara serantau (Xavier, Guelich, Kew, Nawangpalipi, & Velasco, 2015).

Keadaan ini pastinya memberikan satu tampanan kepada usaha-usaha yang telah dilakukan dalam meningkatkan penglibatan masyarakat terhadap bidang keusahawanan terutama di kalangan belia dan siswazah. Kebimbangan masyarakat untuk menceburi bidang keusahawanan masih menjadi halangan yang sukar untuk diatasi. Dalam kajian yang lakukan oleh Zaidatol Akmaliah et al. (2002), hanya 384 orang atau kira-kira 29% daripada 1336 orang pelajar sekolah menengah sekitar Perak, Kelantan, Johor dan Sarawak memilih keusahawanan sebagai kerjaya. Terdapat kajian-kajian lain yang turut mendapati pelajar memiliki minat dan potensi keusahawanan yang tinggi tetapi mereka tidak menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan (Kwong & Thompson, 2016; Matlay, 2008; Norfadhilah & Halimah, 2010; Sarebah et al., 2010; Ummi Aishah, Shaffe, Maslinda, & Nur Baizura, 2013)

Sementara itu, hanya kira-kira 51.5% bekas peserta Program Siswaniaga Universiti Utara Malaysia (UUM) melibatkan diri dalam bidang perniagaan atau





keusahawanan dalam tempoh lima tahun selepas tamat pengajian (Armanurah, Nor Aishah, & Muhammad, 2014). Ini menunjukkan walaupun memiliki pengalaman dalam bidang perniagaan, para siswazah masih tidak menjadikan bidang ini sebagai kerjaya pilihan. Hampir setiap Institusi Pengajian Tinggi (IPT) baik awam maupun swasta menyediakan program-program keusahawanan bagi memberikan pendedahan keusahawanan kepada pelajar.

Tumpuan pendedahan keusahawanan dilakukan oleh kerajaan bermula dari sistem pendidikan melalui KPM dengan menawarkan matapelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) bagi peringkat menengah rendah (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002). Ianya diteruskan lagi dengan menawarkan mata pelajaran Perdagangan dan Pengajian Keusahawanan sebagai salah satu mata pelajaran elektif untuk menengah atas (Bahagian Kurikulum Teknik & Vokasional, 2003a, 2003b). Selain itu, diperingkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan Matrikulasi masing-masing menawarkan mata pelajaran Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Perniagaan (Bahagian Matrikulasi, 2015; Majlis Peperiksaan Malaysia, 2013). Semua mata pelajaran yang ditawarkan ini dapat memperkembangkan dan memperluaskan pengetahuan pelajar dalam kemahiran asas perdagangan dan keusahawanan. Melalui mata pelajaran ini juga, nilai-nilai murni dan sikap positif yang berkaitan dapat dipupuk dan diperkuuhkan dalam kalangan pelajar.

Mata pelajaran perdagangan dan pengurusan perniagaan juga diharapkan dapat melahirkan pelajar yang mampu mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran asas serta





mengukuhkan minat bagi tujuan meneruskan pendidikan perdagangan dan pengurusan perniagaan di peringkat yang lebih tinggi di samping mengenal pasti peluang-peluang pekerjaan dalam bidang perdagangan atau perniagaan dan memilih sesuatu pekerjaan dengan bijak sama ada yang bersifat berusaha sendiri atau bekerja dengan majikan (Bahagian Kurikulum Teknik & Vokasional, 2003b; Bahagian Matrikulasi, 2015). Mata pelajaran Pengajian Perniagaan diperingkat STPM misalnya digubal untuk memperkenal dan meningkatkan pengetahuan serta kemahiran dalam pengajian perniagaan bagi membolehkan pelajar/calon meneruskan pengajian di IPT atau keperingkat kelayakan profesional, dan menceburi kerjaya dalam bidang pengurusan, perniagaan atau keusahawanan (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2013).



Dalam konteks pendidikan, kepentingan keusahawanan dikalangan generasi muda mendapat perhatian yang serius. KPM bertanggungjawab sepenuhnya melaksanakan dasar-dasar pendidikan negara untuk melahirkan insan yang berketrampilan seperti yang digariskan dalam falsafah pendidikan negara yang telah merangka pelbagai usaha dan program terencana bagi membentuk, memupuk dan melahirkan manusia yang akan mengurus ekonomi negara. Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10) menekankan kurikulum di sekolah perlu ditambah baik dengan turut menumpukan kepada aspek kreativiti, inovasi dan keusahawanan yang merentasi semua mata pelajaran (Unit Perancangan Ekonomi, 2010).

Keadaan ini menunjukkan kemahiran keusahawanan tidak hanya tertumpu kepada mata pelajaran yang berkaitan sahaja tetapi turut melibatkan matapelajaran-





matapelajaran yang lain. Sementara itu, dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan 2012 salah satu dari strategi pelaksanaan Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) adalah dengan memperkasakan kurikulumnya yang antara lain melibatkan penguasaan kemahiran keusahawanan (Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2012).

Selain kurikulum yang memberi tumpuan kepada keusahawanan, elemen kokurikulum yang berkaitan dengan pemupukan minat perniagaan dan keusahawanan juga telah diberi perhatian oleh KPM dengan penubuhan kelab-kelab usahawan, koperasi sekolah serta Program Tunas Niaga (PROTUNe) atau sebelum ini dikenali



sebagai Program Usahawan Muda (PUM) yang dilancarkan pada tahun 1989. PROTUNe adalah program kerjasama antara KPM dengan Kementerian Kewangan Malaysia telah melalui pelbagai bentuk perubahan, penyusunan dan penyelarasan dari segi modul dan pelaksanaannya sejak dilancarkan ternyata memberi pengaruh yang besar ke arah pandangan dan sikap pelajar terhadap bidang keusahawanan. Program ini bermatlamat untuk memupuk pembudayaan keusahawanan di kalangan pelajar sekolah menengah ke arah memperkasakan ekonomi bumiputera (Kementerian Kewangan Malaysia, 2014)

Berdasarkan usaha yang telah dilaksanakan baik diperingkat sekolah maupun IPT seharusnya masalah kekurangan penglibatan masyarakat dalam bidang keusahawanan tidak berlaku. Pelajar-pelajar telah didedahkan dengan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman dalam bidang ini. Malah terdapat aktiviti-aktiviti yang





disediakan bersifat praktikal bagi memberikan pengalaman sebenar kepada pelajar dalam bidang perniagaan (Nik Hanis, Mohamad Sattar, & Ruhizan, 2016). Pelajar harus lebih berani menggunakan segala kemahiran dan pengalaman mereka untuk menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan.

1.3 Pernyataan Masalah

Bagi melahirkan seorang usahawan, adalah penting untuk mengetahui usahawan muncul bukan sahaja kerana memiliki ciri-ciri personaliti semulajadi tetapi juga dipengaruhi oleh faktor-faktor yang lain seperti kemahiran, pengaruh ahli keluarga dan pengalaman. Setiap individu mempunyai peluang untuk menjadi usahawan. Tetapi yang membezakan antara usahawan dengan bukan usahawan adalah kesediaan mereka untuk menggunakan kreativiti, inovasi, pengambilan risiko dengan kesungguhan bekerja untuk membentuk, membangun dan memaksimumkan potensi diri dengan memanfaatkan peluang yang diperolehi (Ab. Aziz & Zakaria, 2004).

Setiap perkara yang dilakukan oleh manusia sangat berkait rapat dengan minat individu terhadap perkara berkenaan. Begitu juga, dengan penglibatan pelajar dalam bidang keusahawanan. Kecenderungan keusahawanan pelajar menentukan minat seseorang terhadap bidang keusahawanan yang dipengaruhi oleh motivasi, kreativiti dan inovasi, keyakinan diri, lokus kawalan dalaman dan kesediaan menghadapi risiko (Rosli, 2013). Kajian-kajian oleh Natifah (2006), Matlay (2008), Ummi Aishah,





Shaffe, Maslinda, dan Nur Baizura (2013), Jamalluddin (2014) serta W. Nur Azlina, Ab. Rahim, Soaib, Shamsiah, dan Noor Syamilah (2015) juga menunjukkan minat yang tinggi dalam keusahawanan mempengaruhi kecenderungan responden terhadap kegiatan keusahawanan.

Kerjaya keusahawanan memerlukan individu mempunyai pengetahuan, kemahiran dan kebolehan yang mencukupi untuk berjaya (Norasmah & Salmah, 2011). Bagi memastikan pelajar memiliki keinginan untuk menjadikan bidang keusahawanan sebagai satu kerjaya, mereka perlu disediakan atau memiliki kemahiran yang sewajarnya. Kemahiran keusahawanan sangat penting untuk mengintegrasikan aktiviti perniagaan. Kekurangan kemahiran boleh menyebabkan pelajar kurang aspirasi terhadap bidang keusahawanan (Nor Asikin, 2012). Padangan ini turut diperakui oleh W. Mohd Zaifurin, Ibrahim, Nor Hayati, dan Sabri, (2016) yang mendapati kemahiran pengurusan adalah faktor yang diperlukan oleh seseorang individu sebelum menjadi usahawan.

Pengalaman seseorang dalam bidang yang diceburi akan memudahkan lagi seseorang itu mengharungi cabaran yang mendarang. Beránek (2015) menyatakan persekitaran perniagaan sebenar perlu diwujudkan dalam menjalankan pendidikan keusahawanan. Armanurah et al. (2014) dalam kajiannya, turut mendapati pemilihan bidang keusahawanan sebagai kerjaya oleh pelajar boleh didorong oleh pengalaman pelajar berniaga secara '*hand-on*' semasa pengajian. Noorkartina, Lim, Norhafezah dan Soon (2015) juga mendapati penglibatan pelajar dalam aktiviti-aktiviti





keusahawanan mendorong mereka untuk menjadi usahawan berbanding mereka yang tidak terlibat dengan sebarang aktiviti keusahawanan.

Pengaruh ibu bapa dalam menentukan pilihan kerjaya anak-anak masih menebal dalam masyarakat hari ini. Ibu bapa masih mengharapkan anak-anak mereka memilih kerja yang terjamin tanpa sebarang risiko diberhentikan. Yusof dan Sapiah (2010) mendapati dorongan oleh ibu bapa adalah rendah untuk anak-anak mereka menjadi usahawan walaupun ada dalam kalangan mereka merupakan usahawan atau perniaga. Justeru tidak hairanlah apabila pengangguran dalam kalangan belia dan siswazah masih wujud kerana tidak mendapat sokongan dari keluarga mereka sendiri.



Walau bagaimana pun, kajian Norfadhilah dan Halimah (2010) mendapati perkara sebaliknya di mana latar belakang keluarga yang bermiaga boleh mencetuskan aspirasi keusahawanan di kalangan pelajar. Pengaruh keluarga, rakan dan orang sekeliling sangat penting dalam mempengaruhi seseorang itu terlibat dalam bidang keusahawanan (W. Mohd Zaifurin et al., 2016).

Risiko sering dikaitkan dengan bidang perniagaan dan keusahawanan. Apabila seseorang itu menceburi bidang perniagaan atau keusahawanan tiada jaminan mereka akan berjaya sepenuhnya. Kebimbangan inilah yang sering menghantui setiap individu dari menceburi bidang keusahawanan. Namun begitu menurut Douglas dan Shepherd (2002) seseorang yang mempunyai aspirasi keusahawanan yang tinggi akan memperlihatkan sikap yang positif terhadap risiko dan lebih berdikari. Toleransi





terhadap risiko dan keberkesanan diri memberikan indikator yang kuat untuk menjadi usahawan (Segal, Borgia, & Jerry Schoenfeld, 2005).

Faradillah Iqmar dan Samsudin (2015) mendapati faktor risiko perniagaan menyumbang kepada pemerkasaan wanita dalam keusahawanan. Keadaan ini menunjukkan untuk menceburi bidang keusahawanan aspek kesanggupan menempuh risiko yang wujud penting sebagai langkah pertama dalam kerjaya keusahawanan. Namun begitu, kebanyakan pelajar tidak berani menceburi bidang keusahawanan kerana risiko-risiko kegagalan yang bakal mereka hadapi walaupun mempunyai minat (Norfadhilah & Halimah, 2010).



Justeru sejauhmana kecenderungan keusahawanan yang wujud untuk menceburi kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar kolej matrikulasi di bawah seliaan KPM melalui faktor-faktor minat, kemahiran, pengalaman, pengaruh keluarga dan pengambilan risiko. Berdasarkan penyelidikan pengkaji, terdapat hanya satu kajian berkaitan kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar kolej matrikulasi, KPM iaitu yang dilakukan oleh Natifah binti Abu Khairi pada tahun 2006. Memandangkan kajian yang melibatkan pelajar kolej matrikulasi dalam bidang ini sangat kurang, maka kajian ini dijalankan bagi menilai aspirasi keusahawanan dalam kalangan pelajar matrikulasi. Walaupun, fokus program matrikulasi adalah untuk menyediakan pelajar ke peringkat pengajian tinggi tetapi kajian ini perlu bagi menilai jalan terbaik mempertingkatkan penglibatan pelajar dalam bidang keusahawanan. Sehubungan itu, kajian ini ingin mengenal pasti faktor-faktor yang

